

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Tumpuan utama bab ini adalah untuk membincangkan dan menghurai secara terperinci tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, tempat kajian, tata cara kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur menganalisis data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini akan dilaksanakan dengan kaedah penyelidikan kuantitatif. Menurut Mohd.Majid (1990) kajian kuantitatif sesuai digunakan untuk mengukur pemboleh ubah – pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pemboleh ubah itu wujud. Kerlinger (1993) pula menyatakan kaedah tinjauan kuantitatif paling sesuai digunakan untuk melihat hubungan pemboleh ubah bersandar. Justeru, dalam konun kajian ini, kajian kuantitatif didapati paling sesuai digunakan (Cavanagh, 2005), kerana tumpuan kajian ini ialah untuk mengkaji fenomena yang sedia ada iaitu persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional, dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas.

Pada asasnya kajian ini dilakukan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Peringkat kedua adalah kajian sebenar tentang persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, persepsi

kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas,.

Reka bentuk kajian untuk menilai persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional dan kepemimpinan instruksional pengetua sekolah agama. Oleh itu bagi menjawab soalan-soalan kajian tersebut, reka bentuk deskriptif digunakan bagi mendapat gambaran yang jelas min, median, mode dan sisihan piawai. Kajian juga akan menentukan saling hubungan antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas. Maka statistik inferens yang digunakan analisis korelasi dengan teknik regresi sederhana dan regresi berganda bagi menguji hipotesis nul dan menjawab soalan-soalan kajian.

Bagi mengkaji saling hubungan antara amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas. Pengumpulan data melalui soal selidik.

Tujuan suatu kajian adalah untuk mencari maklumat dan varians (Kerlinger 1993). Dalam kajian ini data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Dalam kaedah kuantitatif salah satu cara yang berkesan untuk mendapatkan maklumat dari pada responden adalah dengan menggunakan soal selidik (Tucker 1978). Soal selidik juga merupakan satu cara mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan penyelidikan (Kerlinger, 1973), dan soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik (Rubin & Babbie, 2001).

3.3 Lokasi Kajian

Kajian yang dilakukan terbatas di lahan kabupaten/kota yang termasuk provinsi Banten. Bagi memastikan kelicinan proses pengumpulan data, kajian ini diadakan di

lapan kabupaten/kota provinsi Banten iaitu: Kota Tangerang, Kota Tangerang Selatan, Kabupaten Tangerang, Kabupaten Serang, Kota Serang, Kabupaten Pandeglang, Kabupaten Lebak dan Kota Cilegon.

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah Guru Sekolah Agama Negeri dan swasta di Provinsi Banten. Dari keseluruhan populasi yang berjumlah 1810 orang guru sebanyak 180 orang guru sekolah agama yang merupakan 10% dari populasi. Sampel tersebar di lapan kabupaten/kota provinsi Banten yaitu: Kota Tangerang, Kota Tangerang Selatan, Kabupaten Tangerang, Kabupaten Serang, Kota Serang, Kabupaten Pandeglang, Kabupaten Lebak dan Kota Cilegon, akan dilibatkan dalam kajian ini. Sedangkan untuk kepentingan ujicoba (*tryout*) semua instrumen yang akan digunakan dalam kajian, akan dilibatkan sebanyak 30 orang guru sekolah menengah agama. Jumlah ini sesuai dengan persyaratan minimal jumlah sampel dalam kajian korelasional (Gay, 1980, Gall dan Borg, 2003, Creswell, 2008).

Pengambilan sampel dilakukan dengan menggunakan teknik "*random sampling*". Menurut Umar "pengambilan sampel secara rawak merupakan metode ukuran sampel dimana setiap populasi mempunyai peluang yang sama untuk menjadi anggota sampel" (Sugiyono; 1998 : 112). Kaedah pengambilan rawak sederhana adalah kaedah yang digunakan untuk memilih sampel dari populasi dengan cara sedemikian sehingga setiap anggota populasi mempunyai peluang yang sama untuk diambil sebagai sampel (Sugiyarto, 2003).

3.5 Instrumen Kajian

3.5.1 Soal Selidik

Bagi tujuan kajian ini, instrumen soal selidik digunakan sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat tentang hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional ke atas kepimpinan intruksional pengetua sekolah agama menengah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dibina dan diadaptasi oleh pengkaji berdasarkan dari pelbagai sumber seperti instrumen-instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain, definisi operasional dan literatur yang berbicara.

Kajian ini menggunakan tiga set borang soal selidik yang merangkumi aspek-aspek yang terdapat dalam kerangka konseptual. Instrumen kepimpinan instruksional pengetua sekolah agama disandarkan kepada instrumen yang digunakan Muchtar Yacob (2009) yang diadopsi dari soal selidik “*Principal Instructional Management Rating Scale*” (PIMPR) oleh Philip Hallinger (1987) mengikut kesesuaian soalan-soalan kajian. Item-item tambahan yang dipinjam daripada model Krug (1992) dan Husein Mahmood (1997) yang berhubungan kait dengan kepimpinan pengajaran yang telah diubah suai oleh pengkaji. Soal selidik kepemimpinan intruksional pengetua sekolah agama terdiri dari 33 item, yang merangkumi menjelaskan misi, visi dan matlamat sekolah 6 item, mengurus kurikulum dan pengajaran 6 item, menyelia pengajaran dan pembelajaran 6 item, memantau kemajuan pelajar 6 item, mengalakkan iklim pengajaran dan pembelajaran 6 item, perkembangan staf/perkembangan profesionalisme guru 3 item.

Jadual 3.1

Pengenalan Instrumen Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah

Dimensi	Indikator	No. Butir	Jumlah
I. Misi dan visi matlamat sekolah	1. Misi dan Visi	1	1
	2. Matlamat	2	1
	3. Perancangan	3	1
	4. Pembinaan	4	1
	5. Program pencapaian matlamat	5	1
II. Mengurus kurikulum dan pengajaran	1. Perancangan	6	1
	2. Bimbingan	7	1
	3. Disiplin	8	1
	4. Perhatian	9,10	2
III. Menyelia pengajaran dan pembelajaran	1. Penyelia	11,12,13,	3
	2. Musywarah	14	1
	3. Penilaian	15	1
IV. Memantau kemajuan pelajar	1. Memotivasi	16,17,18	3
	2. Penilaian	19	1
	3. Musyawarah	20	2
V. Mengalakan iklim pengajaran dan pembelajaran	1. Memberi inspirasi	21	1
	2. Memberi penghargaan	22	1
	3. Menerima idea		1
	4. Perbincangan dengan guru	23	1
VI. Perkembangan staff dan profesionalisme guru		24,25,26	3
	1. Pengembangan staff	27	1
	2. Skill latihan guru	28	1
VII Kerjasama dengan pihak luar	1. Jawtankuasan	29	1
	2. Ibu bapak pelajar	30,31	2
	3. Jawatan negeri	32	1
	4. Agensi kerajaan	33	1
Jumlah		33	33

Amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pemeraksanaan sekolah dengan autonomi yang dimilikinya untuk menentukan keberjayaan sekolah berkaitan dengan komponen-komponen yang ada di sekolah (kurikulum, kaki tangan, kepelajaran, faisiliti, kewangan dan persekitarannya) yang disepadukan dengan amalan fungsi-fungsi pengurusan yang meliputi (perancangan, pengorganisasian, penggerakkan, pengawasan, dan evaluasi) dalam rangka

meningkatkan kualiti. Instrumen amalan pengurusan berasaskan sekolah dibina dari revidi literatur dan dokumen polisi pengurusan berasaskan sekolah di Indonesia terdiri dari 52 item, yang merangkumi 8 item pengurusan kurikulum, pengurusan kaki tangan 8 item, pengurusan kepelajaran 9 item, pengurusan fasiliti 9 item, pengurusan kewangan 9 item, dan pengurusan persekitaran 9 item.

Jadual 3.2

Pengenalan Instrumen Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah			
Dimensi	Indikator	No. Butir	Jumlah
I. Pengurusan Kurikulum	1. Perancangan	1, 2	2
	2. Pengorganisasian	3	1
	3. Penggerakan	4, 5,	2
	4. Pengawasan	6,	1
	5. Evaluasi	7, 8,	2
II. Pengurusan kaki tangan	1. Perancangan	9,	1
	2. Pengorganisasian	10, 11,	2
	3. Penggerakan	12,	1
	4. Pengawasan	13, 14,	2
	5. Evaluasi	15, 16,	2
III. Pengurusan Keperluan	1. Perancangan	17, 18,	2
	2. Pengorganisasian	19,	1
	3. Penggerakan	20, 21,	2
	4. Pengawasan	22, 23,	2
	5. Kesimpulan	24, 25,	2
IV. Pengurusan Fasiliti	1. Perancangan	26, 27,	2
	2. Pengorganisasian	28,	1
	3. Penggerakan	29, 30,	2
	4. Pengawasan	31, 32,	2
	5. Evaluasi	33, 34,	2
V. Pengurusan Kewangan	1. Perancangan	35,	1
	2. Pengorganisasian	36, 37,	2
	3. Penggerakan	38, 39,	2
	4. Pengawasan	40, 41,	2
	5. Evaluasi	42, 43,	2
VI. Pengurusan Persekitaran	1. Perancangan	44, 45,	2
	2. Pengorganisasian	46,	1
	3. Penggerakan	47, 48,	2
	4. Pengawasan	49, 50,	2
	5. Evaluasi	51, 52	2
Jumlah		52	52

Soal selidik kecerdasan emosional pengetua adalah soal selidik EQ-i, dari Bar-On (2000) yang mengandungi 35 item untuk ukuran emosi yang merangkumi Intrapersonal dan interpersonal, penyesuaian dan pengawasan tekanan. Instrumen ini mempunyai 6 item dalam komponen interpersonal, 6 item dalam komponen intrapersonal, 6 item dalam komponen penyesuaian tekanan dan 6 item dalam kemampuan pengawasan tekanan. Selain skala kecerdasan emosi, EQ-i: YV juga mempunyai 6 item dalam kemampuan peranan dan 5 item dalam komponen kesahan tanggapan positif.

Jadual 3.3
Pengenalan Instrumen Kecerdasan Emosional

Dimensi	Indikator	No. Butir	Jumlah
I. Intra personal.	1. Kebahagiaan	1	1
	2. Mengerti orang lain	2	1
	3. Ketenangan	3	1
	4. Kebahagiaan	4	1
	5. Peduli	5	1
	6. Mengawal emosi	6	1
II. Interpersonal	1. Hubungan dengan orang lain	7	1
	2. Percaya diri	8,9,10,11,12,13,14,15,16	8
III. Penyesuaian tekanan	1. Setia kawan	17,18,19,	3
	2. Kepribadian	20,21,22,23	1
		24,25,26	7
IV. Kemahiran pengawasan tekanan	1. Sedar diri	27,28,39,30,	4
	2. Keyakinan diri	31,32,33,34	4
	3. Keyakinan diri	35,36,37,38.	2
V. Kemahiran Peranan	1. Mengambil solusi	39	1
	2. Faham dan sernok dengna orang lain	40 41,42	3
	3. Kemahiran berpikir dan penyelesaian masalah	43,44,45, 46,47,48,49	6
V. Kesahan tanggapan positif	1. Peduli Kawan	50,	1
	2. Peduli Diri	51,	1
	3. Motivasi	52,53	2
	4. Faham orang lain	54,55	2
Jumlah		55	55

Data yang diperoleh dari soal selidik amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dihubungkan dengan kepimpinan instruksional pengetua. Ini adalah untuk melihat hubungan amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas.

Set instrumen soal selidik persepsi guru tentang pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional dan amalan kepemimpinan intruksional pengetua akan dijawab oleh guru sekolah agama menengah dengan membulatkan nombor pada skala yang disediakan. Maklum balas bagi setiap pernyataan di setiap ruang dikemukakan dalam bentuk berikut:

Sangat Tidak Bersetuju	= 1
Tidak Bersetuju	= 2
Kurang Bersetuju	= 3
Bersetuju	= 4
Sangat Bersetuju	= 5

Skala Likert 5 markah digunakan untuk menunjukkan tahap kekerapan perkara itu berlaku dan sebaliknya bagi setiap pernyataan yang dikemukakan (Cavanagh, 2005). Responden perlu memberi maklum balas terhadap pernyataan yang dikemukakan ini dengan membulatkan nombor pada skala yang disediakan. Maklum balas bagi setiap pernyataan disediakan di setiap ruang.

Instrumen yang sudah diubahsuai ini diuji kesahannya melalui kesahan muka (*face sahity*) dan kesahan isi kandungan (*content sahity*). Langkah ini harus diambil untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan balasan dan kejelasan maksud setiap item dalam kajian instrument.

3.5.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

3.5.2.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik suatu kajian rintis telah dilaksanakan di Sekolah Agama Menengah Atas provinsi Banten yang melibatkan seramai 30 orang guru Sekolah Agama Menengah Atas di Kabupaten Serang, seramai 10 orang guru Sekolah Agama Menengah Atas di Kabupaten Pandeglang, dan seramai 10 orang guru Sekolah Agama Menengah Atas di Kabupaten Tangerang, dan keseluruhan peserta kajian rintis seramai 30 orang sebagai peserta kajian. Data daripada kajian rintis dianalisis melalui program Excel untuk meninjau kesahan dan kebolehpercayaan.

3.5.2.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas.

Setelah dilakukan uji cuba (*try out*) instrumen kepada 30 orang guru Sekolah Agama Menengah Atas yang terpilih sebagai sampel, selanjutnya dilakukan kalibrasi untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan butir. Proses kalibrasi dilakukan dengan menganalisis data hasil ujicuba (*try out*) instrumen untuk menguji kesahan internal dengan membandingkan koefisien korelasi masing-masing skor butir dengan skor total instrumen. Statistik yang digunakan adalah korelasi product moment. Kriteria yang digunakan untuk uji kesahan butir adalah membandingkan koefisien korelasi (r_{kira}) dengan r_{jadual} pada $\alpha = 0,01$. Ertinya, jika r_{kira} lebih besar dari r_{jadual} maka butir dianggap tidak sah dan selanjutnya didrop atau tidak digunakan dalam penyelidikan.

Butir dinyatakan sah apabila mempunyai koefisien korelasi lebih besar dari 0.463, pada $\alpha = 0.01$. Berdasarkan contoh pengiraan instrumen butir 1 diperoleh $r_{xy} = 0.536$. Kerana $0.536 > 0.463$, maka butir 1 dinyatakan sah. Demikian selanjutnya untuk butir-butir yang lain dikira dengan cara yang sama.

Hasil pengiraan berdasarkan data uji coba (*try out*) instrumen dari 40 butir pernyataan, diperoleh 33 butir sah dan 7 tidak sah. Butir pernyataan yang gugur adalah butir nombor 6 untuk dimensi misi dan visi matlamat sekolah, butir nombor 11 untuk dimensi mengurus kurikulum dan pengajaran, butir nombor 17 untuk dimensi menyelia pengajaran dan pembelajaran, butir nombor 24 untuk memantau kemajuan pelajar, butir nombor 31 dan 33 untuk dimensi mengalkan iklim pengajaran dan pembelajaran, butir nombor 37 dimensi perkembangan staf dan profesionalisme guru. Pengiraan kesahan butir instrumen kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dapat dilihat pada lampiran 2.

Instrumen yang terdiri dari 33 butir pernyataan yang sah selanjutnya dikira kebolehpercayaannya dengan menggunakan rumus alpha (*alpha Cronbach*). Hasil pengiraan diperoleh koefisien kebolehpercayaan (r_{kira}) = 0.936. Hasil pengiraan ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen tinggi dan layak digunakan sebahagai alat ukur amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Instrumen berjumlah 33 butir inilah instrumen final yang digunakan untuk mengukur persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, yang kisi-kisinya dapat dilihat pada jadual di atas.

3.5.2.1.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Persepsi Guru tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah

Setelah soal selidik diujicubakan (*try out*) kepada 30 orang guru Sekolah Agama Menengah Atas yang terpilih sebagai sampel selanjutnya dilakukan kalibrasi untuk mengetahui kesahan, indeks kesukaran, daya pembeda dan kebolehpercayaan butir. Proses kalibrasi dilakukan dengan menganalisis data hasil ujicuba (*try out*) instrumen untuk menguji kesahan internal dengan membandingkan koefisien korelasi

masing-masing skor butir dengan skor total instrumen. Statistik yang digunakan adalah korelasi product moment. Kriteria yang digunakan untuk uji kesahan butir adalah membandingkan koefisien korelasi (r_{kira}) dengan r_{jadual} pada $\alpha = 0,01$. Artinya, jika r_{kira} lebih besar dari r_{jadual} maka butir dianggap tidak sah dan selanjutnya didrop atau tidak digunakan dalam penyelidikan.

Butir dinyatakan sah apabila mempunyai koefisien korelasi lebih besar dari 0.463, pada $\alpha = 0.01$. Berdasarkan contoh pengiraan instrumen butir 1 diperoleh $r_{xy} = 0.561$. Kerana $0.561 > 0.463$, maka butir 1 dinyatakan sah. Demikian selanjutnya untuk butir-butir yang lain dikira dengan cara yang sama.

Hasil pengiraan berdasarkan ujicuba (*try out*) instrumen dari 60 soal selidik, diperoleh, 52 butir soal sah dan 8 butir soal tidak sah. Butir pertanyaan yang gugur adalah butir nombor 3 dan 8 untuk dimensi pengurusan kurikulum, butir nombor 11 dan 16 untuk dimensi pengurusan kakitangan, butir nombor 23 untuk amalan pengurusan pelajar, butir 33 untuk dimensi pengurusan fasiliti, butir nombor 37 untuk dimensi pengurusan kewangan dan butir nombor 50 untuk pengurusan persekitaran. Pengiraan kesahan butir-butir soal selidik persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dapat dilihat pada lampiran 2.

Instrumen yang terdiri dari 52 butir pernyataan yang sah selanjutnya dikira kebolehpercayaannya dengan menggunakan rumus alpha (*alpha Cronbach*). Hasil pengiraan diperoleh koefisien kebolehpercayaan ($r_{\text{kira}} = 0.962$). Hasil pengiraan ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen tinggi dan layak digunakan sebagai alat ukur persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Instrumen berjumlah 33 butir inilah instrumen final yang digunakan untuk mengukur amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, yang kisi-kisinya dapat dilihat pada jadual diatas.

3.5.2.1.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Persepsi Guru tentang Kecerdasan Emosional Pengetua Sekolah Agama

Setelah dilakukan uji coba (*try out*) instrumen kepada 30 orang guru sekolah agama yang terpilih sebagai sampel, selanjutnya dilakukan kalibrasi untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan butir. Proses kalibrasi dilakukan dengan menganalisis data hasil uji coba (*try out*) instrumen untuk menguji kesahan internal dengan membandingkan koefisien korelasi masing-masing skor butir dengan skor total instrumen. Statistik yang digunakan adalah korelasi product moment. Kriteria yang digunakan untuk uji kesahan butir adalah membandingkan koefisien korelasi (r_{kira}) dengan r_{jadual} pada $\alpha = 0.01$. Artinya, jika r_{kira} lebih besar dari r_{jadual} maka butir dianggap tidak sah dan selanjutnya didrop atau tidak digunakan dalam kajian.

Butir dinyatakan sah apabila mempunyai koefisien korelasi lebih besar dari 0.463, pada $\alpha = 0.01$. Berdasarkan contoh pengiraan instrumen butir 1 diperoleh $r_{xy} = 0.629$. Kerana $0.629 > 0.463$, maka butir 1 dinyatakan sah. Demikian selanjutnya untuk butir-butir yang lain dikira dengan cara yang sama.

Hasil pengiraan berdasarkan data uji coba (*try out*) instrumen dari 60 butir pernyataan, diperoleh 55 butir sah dan 5 tidak sah. Butir pernyataan yang gugur adalah butir nombor 7 untuk dimensi intrapersonal, butir nomr 11 untuk dimensi interpersonal, butir nombor 19 untuk dimensi penyesuaian tekanan, butir nomor 27 untuk dimensi kemahiran pengawasan tekanan, dan butir nombor 34 untuk dimensi kemahiran peranan. Pengiraan kesahan butir instrumen persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dapat dilihat pada lampiran 2.

Instrumen yang terdiri dari 55 butir pernyataan yang sah selanjutnya dikira kebolehpercayaannya dengan menggunakan rumus alpha (*alpha Cronbach*). Hasil pengiraan diperoleh koefisien kebolehpercayaan (r_{kira}) = 0.962. Hasil pengiraan ini

menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen tinggi dan layak digunakan sebagai alat ukur persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua berjumlah 55 butir inilah instrumen final yang digunakan untuk mengukur persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama, yang kisi-kisinya dapat dilihat pada jadual diatas.

3.6. Teknik Analisis Data

Teknik analisis data yang digunakan dalam kajian kuantitatif meliputi:

3.6.1. Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Statistik yang akan digunakan min, median, mode dan sisihan piawai.

3.6.2. Analisis Inferens

Analisis statistik inferens digunakan untuk melihat perkaitan yang wujud antara dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional, manakala pembolehubah bersandar ialah persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua. Dalam kajian ini statistik inferens yang digunakan pengkaji adalah korelasi, dan teknik regresi sederhana serta analisis regresi berganda, uji normaliti akan dilakukan terlebih dahulu sebelum dilakukan uji hipotesis sebahagai persyaratan pengujian analisis. Uji normaliti digunakan dengan uji liliefors dengan taraf signifikansi $\alpha = 0.05$. Pengujian normaliti sampel didasarkan pada asumsi bahawa gejala dimiliki pembolehubah kajian yang diperoleh dari responden berdistribusi normal.

3.6.3. Korelasi Sederhana

Untuk pengujian hipotesis langkah-langkah dilakukan adalah sebahagai berikut :

- a. Mencari persamaan regresi sederhana pembolehubah X_1 , dan X_2 atas pembolehubah Y.
- b. Pengujian kelinieran dan keberertian melalui jadual ANAVA.
- c. Mengkira koefisien korelasi antara pembolehubah dengan menggunakan koefisien korelasi produk moment.
- d. Pengujian signifikansi koefisien korelasi melalui uji t . Koefisien regresi dinyatakan linier apabila nilai $t_{kira} > t_{jadual}$.

3.6.4. Analisis Regresi Berganda

Regresi merupakan satu teknik untuk menentukan pertalian yang wujud secara linear antara beberapa pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dan membuat pertalian secara linear (Mohd. Majid. 1990; Alias 1998). Analisis regresi berganda digunakan dalam kajian untuk melihat sumbangan aspek-aspek amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Kaidah data, sama dan ianya kaidah atau linear, harus dilihat sebelum sebarang pengujian hipotesis dilakukan. Ini dilakukan dengan pengujian signifikansi dan liniariti. Keadaan ini perlu kerana ianya merupakan prasyarat sebelum analisis regresi berganda digunakan. Jika data mempamerkan taburan aray sebaran yang tidak normal dan linier, tindakan untuk mentransformasikan data perlu dilakukan (Hair, *et. al.* 1995). Data-data yang diperoleh didapati memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sebelum menjalankan analisis regresi. Dengan itu analisis regresi berganda langkah demi langkah digunakan dalam kajian ini untuk melihat sumbangan pembolehubah bebas iaitu aspek-aspek dalam amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional keatas pemboleh

ubah bersandar iaitu kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Uji hipotesis ini dilakukan untuk :

- a. Mencari persamaan regresi Y atas masing-masing pembolehubah X_1 , dan X_2 secara bersama.
- b. Menguji signifikansi koefisien regresi jamak dengan uji F. Apabila $F_{kira} > F_{jadual}$ maka koefisien regresi jamak dinyatakan signifikans.
- c. Untuk mengetahui apakah ada korelasi yang signifikan antara pembolehubah X_1 , dan X_2 secara bersama-sama dengan pembolehubah Y.
- d. Menjelaskan koefisien diterminiti.

3.6.5. Tata Cara Penganalisan Data

Kajian dijalankan pada tahun 2009, sebelum menjalankan kajian pengkaji membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada bahagian Kantor Wilayah Kementerian Agama Republik Indonesia Provinsi Banten. Setelah mendapat kebenaran dari pihak berkenaan, pengkaji akan menyerahkan soal selidik kepada pengetua sendiri dan untuk dijawab. Selepas satu minggu, pengkaji menghubungi pengetua melalui telefon untuk mengetahui sama ada soal selidik telah jawab pengetua. Pengkaji datang semula ke sekolah untuk mengambil soal selidik yang terdekat yang telah siap ditadbir oleh pengetua. Menurut Kerlinger (1970) pulangan soal selidik 80 peratus merupakan suatu kadaran pulangan yang baik.

3.7. Kesimpulan

Bab ketiga dalam kajian ini telah memberikan penumpuan kepada kaedah kajian yang meliputi reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, kaedah kajian yang

merangkumi : instrument soal selidik, kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, dan tata cara penganalisan data.